

GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL BAGI JURNAL HALAL
BAHAGIAN KAWAL SELIA HALAL, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan artikel kepada penulis yang ingin menyumbang artikel untuk dimuatkan dalam Jurnal Halal terbitan Bahagian Kawal Selia Halal, JAKIM. Penerbitan jurnal ini adalah di bawah penyelarasan *Halal International Research Academy (HIRA)*, Bahagian Kawal Selia Halal.

2.0 PENGENALAN

- 2.1 Sumbangan artikel bagi Jurnal Halal adalah terbuka kepada pegawai-pegawai JAKIM, ahli akademik, penyelidik, pelajar IPTA/S dan mereka yang terlibat dalam industri halal.
- 2.2 Kandungan artikel yang ditulis adalah berdasarkan hasil kerja penyelidikan dan penemuan, kaedah atau aplikasi baru dalam bidang halal.

3.0 SYARAT PENERIMAAN

- 3.1 Artikel yang ditulis hendaklah merupakan karya asli penulis dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya di dalam atau luar negara.
- 3.2 Artikel perlu dihantar dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) dalam format *Microsoft Word*. Artikel yang tidak mematuhi format penulisan boleh ditolak tanpa diberi notis.

4.0 FORMAT PENULISAN

- 4.1 Artikel adalah ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu.
- 4.2 Artikel ditulis dengan berpandukan format berikut:
 - a. Jarak baris teks ialah 1.0 (*single spacing*).
 - b. Tulisan rumi hendaklah menggunakan huruf (*font*) *Times New Roman* bersaiz 12.
 - c. Tulisan Arab hendaklah menggunakan huruf (*font*) *Traditional Arabic* bersaiz 16.
 - d. Catatan bawah/nota kaki bersaiz 10.
 - e. Jarak baris nota kaki, terjemahan al-Quran dan hadis ialah 1.0.
 - f. Perkataan selain daripada Bahasa Inggeris (bagi artikel dalam Bahasa Inggeris) hendaklah dicondongkan (*italic*) dan begitu juga sebaliknya.
- 4.3 Panjang artikel hendaklah di antara 3000-5000 patah perkataan berdasarkan sistem penulisan **APA (American Psychological Association) edisi ketujuh**.

5.0 PENYEDIAAN TAJUK

- 5.1 Tajuk hendaklah ringkas dan padat. Nama penuh penulis artikel diletakkan di bawah tajuk beserta nama Jabatan yang diwakili, seperti berikut:
- a. Tajuk artikel: ditulis dengan huruf besar (*uppercase*), saiz 12, ditebalkan (*bold*) dan *center*.
 - b. Nama penulis dan gelaran: saiz 12, ditebalkan (*bold*) dan *center*.
 - c. Nama Jabatan: saiz 12 dan *center*.
 - d. Semua sub-tajuk hendaklah ditebalkan (*bold*) tulisannya.

6.0 PENYEDIAAN ABSTRAK

- 6.1 Abstrak adalah merupakan sinopsis artikel yang padat dan ringkas. Kandungan abstrak merangkumi aspek permasalahan kajian, objektif, metod kajian dan dapatan serta kesimpulan. Abstrak tidak melebihi 100 patah perkataan dan perlu ditulis dengan menggunakan format *italic*, bersaiz 12 dan *justify*.
- 6.2 Kata Kunci: Tiga hingga lima kata kunci perlu diberikan dan diletakkan di bawah abstrak. Perkataan bagi kata kunci berformat *italic* dan bersaiz 12.

7.0 KANDUNGAN

- 7.1 Artikel mesti mengandungi bahagian-bahagian berikut iaitu Pengenalan, Pernyataan Masalah, Tujuan Kajian, Tinjauan Literatur, Metodologi, Dapatan Kajian, Perbincangan dan Rumusan.
- 7.2 Teks artikel perlu ditulis menggunakan format *normal*, bersaiz 12 dan *justify*.
- 7.3 Setiap jadual dan rajah perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum dipersembahkan dan diikuti dengan keterangan berkaitan jadual dan rajah tersebut.
- 7.4 Jadual atau rajah hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya. Tajuk jadual dan tajuk rajah perlu diletakkan di bahagian atas jadual dan rajah.
- 7.5 Tatacara Penulisan Petikan:
- a. Petikan yang disisipkan dalam satu perenggan hendaklah tidak melebihi 40 patah perkataan dan mesti dimulai dan diakhiri dengan tanda petik “...”.
 - b. Catatan Nota Kaki (*footnote*) merupakan nota di bawah sesuatu halaman yang menerangkan atau memberi maklumat tambahan mengenai perkara-perkara yang terdapat dalam kandungan teks pada halaman berkenaan. Butiran yang perlu ditulis adalah seperti berikut:
 - i. Cara pernomboran catatan nota kaki hendaklah menggunakan angka superskrip ¹, misalnya, pada tempat berkenaan pada sesuatu halaman dalam teks.

- ii. Baris pertama setiap catatan nota kaki hendaklah bermula dengan satu ensotan (*tab*) dan jarak baris teks ialah 1.0 (*single spacing*).
- c. Rujukan kepada al-Quran:
- i. Semua ayat al-Quran hendaklah ditulis dalam Rasm *al-Uthmani*.
 - ii. Penomboran yang menunjukkan rujukan kepada ayat al-Quran hendaklah diletakkan pada akhir teks al-Quran, bukan pada akhir terjemahannya.
 - iii. Butiran rujukan adalah seperti berikut:
 - Nama surah, koma;
 - Bilangan surah, titik bertindih; dan
 - Bilangan ayat, noktah.

Contoh:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ...¹

¹ Surah al-Māidah, 5:3.

- d. Rujukan Kepada Hadis:

- i. Penomboran yang menunjukkan rujukan kepada hadis hendaklah diletakkan pada akhir teks hadis, bukan pada akhir terjemahannya.
- ii. Butiran rujukan adalah seperti berikut:
 - Nama pengarang, koma; dan
 - Nombor hadis, titik.

Contoh:

Berdasarkan hadis Nabi SAW:

اَذَا بَلَغَ الْمَاءُ قَلْتَنِينَ لَمْ يَحْمِلْ الْخَبْثَ.²

² Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Sawrah, no. hadis 420.

8.0 RUJUKAN

- 8.1 Semua rujukan yang disebut dalam teks mestalah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam artikel.
- 8.2 Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem penulis – tahun (*author-date*). Senarai rujukan hendaklah diletakkan di bahagian akhir sesebuah artikel.
- 8.3 Gaya penulisan rujukan adalah mengikut **APA Citation Style edisi ketujuh**. Kesemua bahan rujukan hendaklah disusun mengikut abjad daripada A hingga Z. Rujukan pula ditulis menggunakan format *normal*, bersaiz 12 dan *Justify*.

9.0 SPESIFIKASI JARAK

- 9.1 Nama penulis perlu diletakkan di bawah tajuk artikel dengan diselang sebanyak dua baris.
- 9.2 Jarak di antara Tajuk dengan Nama Penulis dan Abstrak adalah dua baris. Jarak di antara Abstrak dengan baris pertama teks ialah satu baris.
- 9.3 Jarak di antara subjudul dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah satu baris.
- 9.4 Jarak di antara subjudul dengan baris terakhir teks selepasnya ialah satu baris.
- 9.5 Jarak di antara perenggan ialah satu baris.
- 9.6 Mulakan baris pertama perenggan dengan tanpa jarak dari jidar kiri.
- 9.7 Jarak di antara ayat terakhir dengan Jadual, Rajah atau Ilustrasi ialah satu baris.

10.0 SISTEM NOMBOR

Sistem nombor adalah seperti berikut:

Item peringkat pertama:

- 1.
- 2.

Item peringkat kedua:

- a.
- b.

Item peringkat ketiga:

- i.
- ii.

11.0 PENILAIAN

Artikel akan melalui proses penilaian oleh Sidang Editor Bahagian Kawal Selia Halal, JAKIM. Keputusan penerbitan artikel adalah berdasarkan cadangan daripada Sidang Editor.

12.0 PENYERAHAN ARTIKEL

Artikel berbentuk salinan lembut (*soft copy*) hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada/sebelum **31 Ogos 2020** ke alamat email berikut:

zuraiza@islam.gov.my dan fatimah.ahmad@islam.gov.my

Penjelasan dan maklumat lanjut, sila berhubung dengan:

1. Zuraiza binti Husin, Tel: 03-8892 5000 (ext:5122)
2. Fatimah binti Ahmad, Tel: 03-8892 5000 (ext:5061)